

**WASIAT ISLAM: SATU TRANSFORMASI UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA****Nor Adila binti Mohd Noor<sup>1</sup>****Che Zuina Ismail<sup>2</sup>****Salimah Yahaya<sup>3</sup>****Hamizah Muhammad<sup>4</sup>****Nor Azlina Mohd Noor<sup>5</sup>****Md Yazid Ahmad<sup>6</sup>****ABSTRAK****E-JITU**Acceptence date:  
1<sup>st</sup> September 2021Valuation date:  
15<sup>th</sup> September 2021Publication date:  
23<sup>rd</sup> November 2021

*Wasiat merupakan salah satu instrumen dan mekanisme terbaik kepada pengurusan dan pentadbiran aset Islam yang telah lama diperaktikkan di Malaysia. Aspek perancangan secara sistematis merupakan prasyarat ke arah membentuk masyarakat Islam yang unggul. Ini menunjukkan bahawa Islam menuntut umatnya supaya sentiasa membuat perancangan dalam segenap aspek kehidupan termasuklah menyediakan satu pelan perancangan wasiat yang rapi demi memastikan maslahah al-camah dan maqasid syar'iyyah terus terpelihara dalam kalangan masyarakat Islam termasuklah aspek perancangan dan pentadbiran harta wasiat. Namun, realitinya masih wujud satu kelompongan dalam pentadbiran harta wasiat orang Islam. Berdasarkan kajian literatur, kebanyakan masalah melibatkan aspek pengesahan wasiat dan pentadbiran harta wasiat. Masalah-masalah tersebut boleh diselesaikan sekiranya terdapat satu transformasi undang-undang khususnya melibatkan pentadbiran harta wasiat orang Islam di Malaysia. Justeru itu, makalah ini bertujuan mengkaji tentang transformasi di dalam undang-undang wasiat di Malaysia. Makalah ini juga meneliti hubungkait undang-undang, bidang kuasa dan proses transformasi yang telah berlaku dalam undang-undang sedia ada khususnya dalam pentadbiran*

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan (Phd), ACIS UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun. Email norad852@uitm.edu.my.

<sup>2</sup> Profesor Madya (Phd), ACIS UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun.

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan (Phd), ACIS UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun.

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan (Phd), ACIS UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun.

<sup>5</sup> Pensyarah Kanan (Phd), Pusat Pengajian Undang-undang, UUM College of Law, Goverment and International Studies.

<sup>6</sup> Pensyarah Kanan (Phd), Research Centre For Shariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

*harta wasiat. Kajian ini dilakukan dalam bentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan kajian lapangan dengan membuat temu bual bersama responden yang pakar dalam bidang ini. Penelitian juga dibuat terhadap data primer seperti peruntukan undang-undang dan kes mahkamah serta data sekunder seperti buku akademik, kertas-kertas kerja, jurnal, statut, laporan perundangan dan surat pekeliling. Data kajian ini diolah dan dianalisis berdasarkan pendekatan analisis kandungan yang sesuai dengan skop dan tema kajian. Dapatkan daripada kajian ini mendapati bahawa, pembentukan undang-undang bertulis wasiat Islam dapat menyelesaikan beberapa kepincangan yang berlaku dalam hal pengurusan harta wasiat. Namun, hingga kini, hanya enam negeri sahaja yang sudah memiliki undang-undang tertulis dan semuanya mempunyai perbezaan kandungan berdasarkan tahun undang-undang tersebut dikuatkuasa. Walaubagaimanapun, negeri Selangor dilihat sebagai pelopor dan paling proaktif dalam menerapkan undang-undang wasiat Islam berdasarkan enakmen bertulis di negeri ini. Selain itu, berdasarkan perkembangan undang-undang sedia ada juga jelas menunjukkan bahawa perlunya dilakukan pembaharuan undang-undang dengan meminda beberapa peruntukan undang-undang sedia ada yang berkaitan dengan sistem pentadbiran harta wasiat orang Islam di Malaysia.*

Kata Kunci: amalan, wasiat, Malaysia, sejarah, undang-undang wasiat

### ***ISLAMIC WILL: A TRANSFORMATION OF LAW IN MALAYSIA***

#### ***ABSTRACT***

*Wills are one of the best instruments and mechanisms for the management and administration of Islamic assets that have long been practiced in Malaysia. The aspect of systematic planning is a prerequisite towards forming a superior Islamic society. This shows that Islam requires people to always make plans in all aspects of life, including preparing a thorough will planning plan to ensure that the maslahah al-'amah and maqasid syar'iyyah continue to be preserved among the Muslim community, including aspects of planning and administration of wills. However, the reality is that there is still a gap in the administration of Muslim wills. Based on the literature review, most of the problems involve aspects of confirmation of will and will administration. These problems can be solved if there is a transformation of the law, especially involving the administration of Muslim wills in Malaysia. Therefore, this paper aims to study the transformation in will law in Malaysia. This paper also examines the relationship of law, jurisdiction and the process of transformation that has taken place in existing law particularly in the administration of wills. This study was conducted in a*

*qualitative form by using the methods of library research and field research by conducting interviews with respondents who are experts in this field. Research is also done on primary data such as legal provisions and court cases as well as secondary data such as academic books, working papers, journals, statutes, legal reports and circulars. The data of this study were processed and analyzed based on a content analysis approach appropriate to the scope and theme of the study. Findings from this study found that, the formation of Islamic will written law can solve some of the shortcomings that occur in terms of will management. However, only six states already have written laws and all have content differences based on the year the law came into force. However, the state of Selangor is seen as the pioneer and most proactive in implementing Islamic will law based on written enactments in the state. In addition, based on the development of existing laws also clearly shows that there is a need to reform the law by amending some provisions of existing laws related to the system of administration of Muslim wills in Malaysia.*

**Keywords:** practice, will, Malaysia, history, will law

## PENDAHULUAN

Wasiat merupakan salah satu instrumen dan mekanisme terbaik kepada pengurusan dan pentadbiran aset Islam yang telah lama dipraktikkan di Malaysia. Namun, realitinya masih wujud satu kelompongan dalam pentadbiran harta wasiat orang Islam. Berdasarkan kajian literatur, kebanyakan masalah melibatkan aspek pengesahan wasiat dan pentadbiran harta wasiat.

Amalan berwasiat telah lama diamalkan di Malaysia. Ini dapat dilihat seawal kes wasiat Muslim yang telah diputuskan oleh hakim Inggeris sejak zaman penjajahan. Masalah sivil kemudiannya berperanan dalam isu wasiat sehingga pindaan Artikel 121 Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988 yang memperuntukkan bidang kuasa eksklusif wasiat Muslim ke Mahkamah Syariah (Mahamad Arifin, 2007). Hingga kini, di Malaysia, hanya Negeri Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, Pahang dan Sabah yang telah mewartakan undang-undang khusus mengenai kehendak orang Islam yang dikenali sebagai Enakmen Wasiat Muslim. Sementara itu, Mahkamah Syariah di negeri-negeri lain hanya memberikan ketentuan umum dalam undang-undang Islam masing-masing.

Pentadbiran harta pusaka berwasiat orang Islam merupakan salah satu bidang yang begitu unik apabila ia melibatkan pelbagai agensi yang berada di dua peringkat pentadbiran iaitu di peringkat Persekutuan dan di peringkat Negeri. Hanya klasifikasi harta pusaka berwasiat atau tidak berwasiat serta nilai dapat menentukan jatuh letaknya bidang kuasa agensi-agensi berkenaan. Bidang kuasa pentadbiran harta pusaka berwasiat terletak di bawah **Perlembagaan**

**Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai 1, Senarai Persekutuan di bawah Perkara 4(e)(i) yang disebut sebagai “perwarisan, berwasiat, tidak berwasiat; probet dan surat kuasa mentadbir.”** Kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa bidang kuasa pentadbiran harta pusaka terletak di bawah agensi-agensi persekutuan iaitu Bahagian Pembahagian Pusaka, Jabatan Ketua Pengarah tanah dan Galian (BPP, JKPTG) dan Mahkamah Tinggi. Manakala Amanah Raya Berhad (ARB) merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Bagi Mahkamah Syariah pula, walaupun terletak di bawah bidang kuasa kerajaan Negeri dan tidak mempunyai bidang kuasa menguruskan kes-kes pembahagian dan pentadbiran harta pusaka, institusi ini mempunyai kuasa dalam mengeluarkan Sijil Faraid dan mengesahkan wasiat sama ada wujud pertikaian atau tidak sahaja. Justeru itu, perbincangan dalam makalah ini akan lebih tertumpu kepada perkembangan sorotan sejarah amalan undang-undang wasiat Islam bermula dari sebelum merdeka sehingga kini.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah menggunakan kaedah metodologi secara kualitatif menggunakan kaedah analisis kandungan pada tahap memperoleh data teori dan kaedah temu bual separa berstruktur yang digunakan untuk penggunaan data yang berkaitan dengan harta wasiat Islam setelah dikodifikasi sebagai undang-undang bertulis. Kajian ini dijalankan secara induktif melalui pembinaan konsep dan teori untuk di kembangkan, dinyatakan dan dijelaskan dalam kajian yang dikaji.

Kajian perpustakaan adalah dengan menggunakan sumber-sumber yang terdapat di perpustakaan seperti jurnal, tesis, artikel ilmiah, bahan bacaan, kajian kes, kertas kerja seminar, buku, artikel majalah termasuk keratan akhbar dari media tempatan dan sebagainya. Kajian perpustakaan merupakan satu teknik yang digunakan oleh seseorang penyelidik bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod yang berkait rapat dengan isu yang cuba dikaji.

Manakala, kajian lapangan memberi tumpuan kepada individu yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran wasiat Islam terpilih seperti ahli akademik dan pegawai, pentadbir / pelaksana wasiat dalam Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di seluruh Malaysia, Mahkamah Syariah negeri, Mahkamah Tinggi Sivil, Bahagian Bahagian Estet Kecil , Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Amanah Raya Berhad, Pejabat Penilaian dan Perkhidmatan Harta serta badan-badan swasta yang terlibat.

Selain itu, proses pengumpulan maklumat dilakukan dengan kaedah analisis dokumen iaitu pengumpulan data kajian melalui penyelidikan, pembacaan serta

penganalisan terperinci terhadap bahan dan sumber yang berkaitan kajian bagi menghasilkan menyelesaikan isu dan mencapai objektif kajian.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Transformasi Undang-Undang Wasiat Islam Di Malaysia

Sebelum kedatangan penjajah pada awal abad kelima belas, masyarakat Melayu dikatakan bebas melaksanakan adat dan undang-undang Islam dalam segala aspek kehidupan mereka termasuklah amalan berwasiat kerana pada masa itu, Hukum Kanun Melaka mengandungi unsur-unsur perundangan Islam yang telah dikuatkuaskan semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka, manakala, pada zaman penjajahan Portugis dan Belanda ke atas Tanah melayu tidak memberi sebarang impak perubahan kepada adat dan amalan keagamaan masyarakat Melayu pada masa tersebut termasuklah undang-undang wasiat di kalangan masyarakat setempat (Mahmud Saedon Awang Othman, 1998).

Walaubagaimanapun, kedatangan British di Tanah Melayu sedikit sebanyak telah mempengaruhi undang-undang Islam yang lebih dahulu terpakai sebelum ini dengan keputusan-keputusan kes yang menyalahi hukum Syarak terutamanya melibatkan kes-kes di Negeri-negeri Selat. Walaubagaimanapun, usaha British untuk menguatkuaskan undang-undang Inggeris secara bertulis telah dibantah oleh masyarakat Islam di Tanah Melayu menyebabkan usaha tersebut gagal dan ia telah mengekang mereka daripada menafikan hukum serta undang-undang kewarisan Islam (Tajul Aris Ahmad Bustami, 2005).

Di Malaysia, selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, sistem perundangan di Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang negara yang digubal dan dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan dan ia dianggap sebagai undang-undang tertinggi Persekutuan dan sebarang undang-undang yang diluluskan selepas hari Kemerdekaan yang bertentangan dengan dengan Perlembagaan tersebut adalah terbatal. Undang-undang yang digunakan ke atas orang Islam juga merujuk kepada undang-undang Islam kerana Malaysia telah mengiktiraf Islam sebagai agama Persekutuan sebagaimana termaktub di bawah Perkara 3(1), Perlembagaan Persekutuan:

*“ 3(1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.”*

Bagi undang-undang pentadbiran harta wasiat orang Islam pula, antara punca kuasa Persekutuan yang berbidang kuasa untuk memberi kuasa kepada agensi-agensi pentadbir harta wasiat ialah:

- i) Perkara 74(1), Perlembagaan Persekutuan

- ii) Jadual Kesembilan, Senarai 1, Senarai Persekutuan, Perkara 4 e(i), Perlembagaan Persekutuan
- iii) Sek. 24(f), Akta Mahkamah Kehakiman 1964
- iv) Akta Probet dan pentadbiran 1959
- v) Aturan 71 dan Aturan 2, Kaedah-kaedah Mahkamah 2012

Manakala punca kuasa yang memberi bidang kuasa kepada negeri-negeri pula telah diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, di bawah perkara 74(2) yang ada menyebut bahawa:

*“Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri atau Senarai Bersama ( Jadual Kesembilan )”.*

Justeru itu, setiap negeri di Semenanjung Malaysia telah menggubal undang-undang berkaitan dengan harta perwarisan ini di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah di setiap negeri. Ini jelas di peruntukkan dalam undang-undang pentadbiran Islam setiap negeri di Malaysia seperti Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Akta 505)(Pindaan terkini-Akta A931, P.U.(A) 250/2002, P.U.(B) 77/00).

Seksyen 46(2), Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa di seluruh Wilayah-Wilayah Persekutuan dan hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Syarie.

*“(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan:*

- (v) wasiat atau alang semasa marad-al-maut seseorang si mati Islam;*
- (viii) pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;*
- (ix) penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta pusaka seseorang si mati Islam atau bahagian-bahagian yang kepadanya orang-orang itu masing-masing berhak; ...”*

Dengan adanya peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan serta Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak inilah, maka Enakmen wasiat telah digubal bagi membolehkan rujukan dibuat berkaitan hukum berwasiat. Bagaimanapun pada

awalnya hanya tiga buah negeri sahaja yang menggubal enakmen tersebut iaitu negeri Selangor (Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (No. 4 tahun 1999), Negeri Melaka (Enakmen Wasiat Orang Islam (Melaka) 2005 (No. 4 tahun 2005) dan Negeri Sembilan (Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (No. 5 tahun 2004) tetapi sekarang tiga buah negeri telah turut mengkanunkan enakmen wasiat ini iaitu didahului oleh Negeri Kelantan pada 2009, Negeri Pahang iaitu pada 2017 dan diikuti oleh Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018. Diharapkan juga agar negeri-negeri lain akan menyusul selepas ini secara berperingkat. Ini merupakan salah satu usaha ke arah memperkasakan Mahkamah Syariah (Noor, N.A.M., Ahmad, M.Y., Ismail, C.Z., 2020).

Sementara itu, bagi negeri Sabah, terdapat penambahbaikan dalam seksyen 11(b)(viii) dan (ix) Enakmen Mahkamah Syariah 2004 berkenaan bidang kuasa Mahkamah Syariah Sabah berkenaan pentadbiran pembahagian harta pusaka orang Islam. Apa yang membezakan peruntukan mengenai bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam hal pentadbiran harta pusaka dengan Mahkamah Syariah negeri lain adalah mengenai perkataan “*perlantikan wasi dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.*” Perkataan tersebut tidak wujud dalam senarai bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah di negeri-negeri lain. Dengan kata lain, hanya Mahkamah Syariah Negeri Sabah sahaja yang mempunyai peruntukan tersebut. Hal ini merupakan satu kelebihan tersendiri kepada Mahkamah Syariah Sabah untuk mengeluarkan perintah pembahagian harta pusaka dan juga perlantikan wasi atau wali harta atau pentadbir.

Walaubagaimanapun, pada tahun 2018, Negeri Sabah telah menggubal undang-undang bertulis khusus berkaitan dengan dasar wasiat Islam yang dikenali sebagai Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018. Ia telah diwartakan pada Disember 2018 dan telah dikuatkuaskan pada 1 Januari 2019. Enakmen ini mengandungi 9 Fasal dan 30 Seksyen yang hampir sama dengan peruntukan dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 dan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005.

### **Analisa Transformasi Undang-Undang Wasiat Islam Di Malaysia**

Berdasarkan perbincangan berkenaan dengan sejarah perkembangan undang-undang Wasiat dan juga undang-undang pentadbiran harta wasiat Orang Islam bermula daripada zaman sebelum penjajahan sehingga selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan sehingga sekarang, jelaslah bahawa telah berlaku beberapa perubahan atau transformasi undang-undang dari semasa ke semasa tanpa bersifat statik. Perkembangan undang-undang pentadbiran harta wasiat orang Islam ini dilihat mempunyai potensi untuk mengalami pelbagai lagi transformasi di masa hadapan dengan syarat penyelidik-penyelidik yang

mempunyai kepakaran di dalam bidang ini terus berusaha untuk menambahbaik lagi kelemah-kelemahan yang ada.

Sehingga kini, sejarah mencatatkan bahawa terdapat perubahan yang besar dalam penggubalan dan pindaan undang-undang pelaksanaan dasar Wasiat Islam atau juga dikenali sebagai undang-undang substantif. Buktinya sehingga kini di Malaysia, enam buah negeri telah berjaya mengkodifikasi undang-undang wasiat Orang Islam di negeri masing-masing bermula dengan negeri Selangor yang dikenali sebagai Enakmen ibu dan seterusnya diikuti oleh negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Pahang dan juga mutakhir sekali adalah di Sabah. Negeri Selangor telah mempelopori penggubalan statut khas bagi dasar wasiat orang Islam yang dikenali dengan Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 tetapi telah mengalami beberapa pindaan dan yang terakhir sekali telah berlaku pindaan yang lebih menyeluruh terhadap isi kandungan peruntukan di dalam undang-undang ini dan enakmen ini telah dikenali sebagai Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (Pindaan) 2016. Setelah itu, telah disusuli oleh penggubalan Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004, Enakmen Wasiat Orang Islam (Melaka) 2005, Enakmen Wasiat Orang Islam (Kelantan) 2009, Enakmen Wasiat Orang Islam 2017 iaitu digubal di Negeri Pahang dan terkini adalah di Negeri Sabah iaitu Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018.

Antara peruntukan yang telah mengalami pindaan dalam Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (Pindaan) 2016 adalah melibatkan Seksyen 1 (Nama Enakmen), Seksyen 2 (Tafsiran Harta), Seksyen 2 (Tafsiran Marad al-maut, tafsiran orang yang tidak sempurna akal, tafsiran wali harta, tafsiran wasi), Seksyen 5 (Pindaan wasiat), Seksyen 17 (Penerimaan dan penolakan wasiat), Seksyen 22 (Wasiat yang berhubungan dengan benefisiari yang belum wujud), Seksyen 24 (Wasiat kepada anak dalam kandungan), Seksyen 26 (Wasiat kepada waris dan bukan waris), Seksyen 27 (Wasiat kepada cucu, kadar wasiat wajibah, pembahagian wasiat wajibah).

Walaubagaimanapun, dalam undang-undang administratif pula dilihat masih mewarisi sedikit sebanyak undang-undang Sivil yang telah diperkenalkan oleh British semasa menjajah Tanah Melayu sebelum ini. Ini kerana undang-undang pentadbiran atau administratif dalam pentadbiran harta wasiat orang Islam masih diberikan kepada Mahkamah Tinggi Sivil terutamanya melibatkan bidang kuasa untuk mengeluarkan surat kuasa Probet sekalipun melibatkan pentadbiran harta wasiat orang Islam.

### **Impak Dalam Transformasi Undang-Undang Wasiat Islam Di Malaysia**

Sehingga kini, sejarah telah mendokumentasikan bahawa ada perubahan yang signifikan dalam enakmen dan perubahan undang-undang pelaksanaan wasiat

Islam atau sebagai undang-undang substantif. Buktinya, setakat ini di Malaysia, enam negeri telah berjaya mengkodifikasikan undang-undang wasiat Islam di negeri masing-masing bermula dengan negeri Selangor yang digunakan sebagai enakmen induk dan kemudian diikuti oleh Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Pahang dan yang terbaru ini adalah di Sabah. Negeri Selangor telah mempelopori undang-undang khusus untuk wasiat Islam yang telah dikenali sebagai Enakmen Wasiat Muslim (Selangor) 1999. Perubahan terhadap undang-undang ini telah berlaku beberapa kali dan kali terakhir terdapat pindaan yang lebih komprehensif terhadap kandungan peruntukan dalam undang-undang ini dan akhirnya telah dipinda dan dikenali sebagai Enakmen Wasiat Muslim (Selangor) 1999 (Pindaan) 2016. Selepas itu, usaha ini telah diteruskan di beberapa negeri seterusnya dengan berkuatkuasaan undang-undang yang dikenali sebagai enakmen Enakmen Wasiat Muslim (Negeri Sembilan) 2004, Enakmen Wasiat Muslim (Melaka) 2005, Wasiat Muslim (Kelantan) Enakmen 2009, Enakmen Wasiat Muslim 2017 digubal di Negeri Pahang dan yang terbaru adalah di Negeri Sabah yang dikenali sebagai Enakmen Wasiat Muslim (Negeri Sabah) 2018. Di antara peruntukan yang telah dipinda dalam Enakmen Wasiat Muslim (Selangor) 1999 (Pindaan) 2016 melibatkan:

Bahagian 1- (Nama Enakmen);

Bahagian 2- (Tafsiran Harta);

Bahagian 2- (Tafsiran Marad al-maut, tafsiran orang dengan kecacatan intelektual, tafsiran pemegang amanah, tafsiran wasi);

Bahagian 5- (Keadaan wasiat);

Bahagian 17- (Penerimaan dan penolakan wasiat), Seksyen 22 (Wasiat yang berkaitan dengan benefisiari yang tidak wujud);

Bahagian 24- (Wasiat untuk anak yang belum lahir), Seksyen 26 (Waris kepada waris dan bukan waris);

Bahagian 27- (Waris kepada cucu, bahagian wasiat wajib, pembahagian wasiat wajib).

Terdapat klausa dan bahagian yang berbeza untuk setiap negeri selain dari Negeri Selangor. Untuk Negeri Kelantan dan Pahang mengandungi 9 Fasal dengan 32 Bahagian, sementara untuk Negeri Melaka dan Negeri Sembilan masing-masing mengandungi 9 fasal dan 29 Bahagian. Untuk Negeri Sabah, ia mengandungi 9 fasal dan 30 Bahagian. Jelas di sini bahawa terdapat juga perbezaan dari segi dan peruntukan antara undang-undang wasiat Islam di setiap negeri di Malaysia.

Umumnya, setelah meneliti kandungan-kandungan di dalam kesemua statut undang-undang prosedur yang terlibat, penyelidik cuba merungkai sejauhmana kedua-dua undang-undang ini terpakai atau tidak kepada orang Islam kerana kedua-dua undang-undang ini merujuk kepada undang-undang mentadbir harta wasiat yang terpakai di dalam Akta Wasiat 1959 sahaja iaitu wasiat bagi orang

bukan Islam. Sedangkan, wasiat orang Islam merujuk kepada Enakmen Wasiat Orang Islam atau Undang-undang Pentadbiran Islam Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Justeru itu, secara tafsiran tersiratnya, ia bermakna kedua-kedua undang-undang tersebut tidak terpakai ke atas orang Islam. Ini bermakna, Mahkamah Tinggi Sivil juga secara tidak langsung sebenarnya dilihat tidak mempunyai kuasa untuk memutuskan kes-kes yang melibatkan harta wasiat orang Islam kerana pada hakikatnya sekarang ini, undang-undang sedia ada masih sebenarnya masih *silent* terhadap prosiding yang sepatutnya dilalui oleh orang Islam apabila menyentuh tentang isu pentadbiran harta wasiat.

Ini menunjukkan bahawa tindakan hakim Mahkamah Tinggi Sivil meluluskan permohonan orang Islam untuk mendapatkan Geran Probet masih boleh dipertikaikan sebagaimana telah berlaku semasa zaman pemerintahan British yang mana, walaupun ada peruntukan yang jelas mengecualikan undang-undang tersebut kepada orang Islam, namun secara praktikalnya, ada juga beberapa keputusan yang dibuat oleh hakim tetap menggunakan peruntukan tersebut dengan merujuk kepada kes-kes terdahulu (Noor, N.A.M., Mahamood, S.M., 2019).

Ini memberi impak dan cabaran yang besar bagi orang Islam tentang status undang-undang pentadbiran yang terpakai ke atas mereka walaupun hanya melibatkan undang-undang prosedur. Namun, dari sudut positifnya, pihak berautoriti Mahkamah Syariah mungkin boleh mengambil peluang ini untuk membuat satu pembaharuan terhadap undang-undang pentadbiran harta wasiat orang Islam agar bidang kuasa Mahkamah Syariah dapat diperkasakan tanpa melangkui undang-undang sedia ada.

Penyelidik juga berpendapat bahawa satu pendekatan yang lebih praktikal perlu disarankan tanpa perlu meminda Perlembagaan Persekutuan. Saranan untuk mewujudkan undang-undang Probet khusus untuk Orang Islam sebelum ini mungkin boleh dipertimbangkan untuk cadangan jangka panjang, namun ia perlu melalui beberapa perbincangan dan saringan yang panjang sebelum boleh direalisasikan dalam masa terdekat dan sebolehnya bukanlah cadangan yang melangkui peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

## KESIMPULAN

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa, undang-undang wasiat Islam di Malaysia terdiri daripada undang-undang pentadbiran dan juga undang-undang substantif. Bagi Negeri Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan, Kelantan, Pahang dan Sabah, undang-undang substantif merujuk kepada Enakmen wasiat Islam,

sementara untuk negeri lain, hakim merujuk kepada Akta atau Enakmen Pentadbiran Islam di negeri masing-masing. Walaubagaimanapun, untuk undang-undang pentadbiran yang melibatkan bidang kuasa untuk mengeluarkan geran probet, semua negeri mesti merujuk kepada Akta Probet dan Pentadbiran 1959 dan juga Peraturan Mahkamah 2012.

Setelah mengkaji sejarah latar belakang undang-undang pentadbiran harta wasiat orang Islam di Semenanjung Malaysia dan Sabah, jelaslah kepada penyelidik bahawa sudah tiba masanya untuk kita benar-benar mengambil peluang ini, bagi membuat beberapa pembaharuan undang-undang dengan meminda beberapa peruntukan undang-undang sedia ada seperti pindaan ke atas bidang kuasa Mahkamah Syariah di bawah Enakmen atau Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri dan Wilayah- Wilayah Persekutuan serta Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah.

Berdasarkan kajian ini, adalah tidak keterlaluan sekiranya penyelidik menyatakan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai prospek untuk mengeluarkan surat kuasa mentadbir atau Geran Probet ke atas harta wasiat orang Islam di Malaysia. Prospek tersebut adalah terhad kepada pentadbiran pusaka di Mahkamah Tinggi sahaja. Ini adalah kerana, bagi pusaka kecil dan pentadbiran harta alih oleh Amanah Raya, prospek Mahkamah Syariah adalah terhad kerana ianya melibatkan konflik antara statut khas dan statut am. Begitu juga dengan prospek Mahkamah Syariah di Mahkamah Tinggi. Walaupun prospek pemberian surat kuasa mentadbir atau geran Probet adalah lebih luas berbanding dengan Unit Pembahagian Pusaka Kecil dan Amanah Raya, permohonan untuk permeterai semula Probet dan Surat Kuasa Mentadbir yang diperolehi di luar Negara masih perlu dibuat di Mahkamah Tinggi Sivil disebabkan had bidangkuasa Mahkamah Syariah.

## RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohamad. (2016). Pengurusan Harta Orang Islam: Konflik Bidangkuasa Mahkamah Dan Kesannya Ke Atas Ekonomi Ummah dalam *Seminar Faraid dan Perancangan Pewarisan: Isu Harta Beku dan Penyelesaiannya di Malaysia*. 29 dan 30 Mac 2016. Institut Kemahiran Islam Malaysia.
- Ahmad, M.Y., Rozali, E.Z., Adnan, N.I.M., Zakaria. Z., Omar, A.F., Jamsari E.A., Noor, N.A.M. (2020). Inheritance Management By Baitulmal in Malaysia: Role and Challenges. International Journal of Advanced Research (IJAR). Vol.7, Issue 10
- Mahamad Arifin et al. (2007). Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia, Jil.12, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mahmud Saedon Awang Othman. (1998). *Institusi Pentadbiran Undang-undang dan Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Khairy Kamarudin et al. (2016). Amalan Pembahagian Faraid Di Malaysia. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship* (GBSA) Vol. 2: No. 3 (2016). 11.
- Mohd Zaidi Daud et al. (2015). Kepentingan dan Keperluan Perancangan Harta dalam Islam: Penilaian Menurut Perspektif Maqasid Syariah. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* (JMFIR) Vol. 12, No. 1, 2015.
- Noor, N.A.M. (2018). *Harta Wasiat Orang Islam: Satu Ulasan Ringkas Dari Perspektif Isu-isu Perundangan di Malaysia*. Proceeding Terengganu Multidisciplinary International Conference 2018. Kuala Terengganu: Kuala Terengganu Science Centre.
- Noor, N.A.M., Mahamood, S.M. (2019). Harta Pusaka Berwasiat: Satu Kajian Literatur dalam *Pemerkasaan Filantropi Islam di Malaysia*. Khalid, M.M., Bhari, A., Rani, M.A.M. (Peny.). (pp. 103-114). Selangor: IKAZ, Akademi Pengajian Islam Kontemporari
- Noor, N.A.M., Mahamood, S.M. (2019). *Harta Wasiat Muslim: Satu Kajian Undang-undang Prosedur dan Perlaksanaan di Malaysia dalam Pemerkasaan Filantropi Islam di Malaysia*. Khalid, M.M., Bhari, A., Rani, M.A.M. (Peny.). (pp. 114-123). Selangor: IKAZ, Akademi Pengajian Islam Kontemporari
- Noor, N.A.M., Ahmad, M.Y., Ismail, C.Z. (2020). Muslim Will Practice in Malaysia: A Legal Analysis. *International Journal Of Research And Analytical Reviews*. Vol. 7, Issue 4, 686-691.
- Nor Azlina Mohd Noor & Akmal Hidayah Halim (2015). “Executorship In Muslims’ Testate Estates In Malaysia: Law & Procedure” (Prosiding Seminar Hibah Dalam Pengurusan Harta Islam 2015).
- Tajul Aris Ahmad Bustami (2005). “Bidang Kuasa Mahkamah Syariah dalam Kes Perwarisan: Satu Analisis Kritikal Ke Atas kes Jumaaton Lwn Raja Hizaruddin” dalam Tajul Aris Bustami, Mohd Hisham Mohd Kamal dan Farid Sufian Shuaib, *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 31-50.